

KUALA LUMPUR, 26 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA AMALAN DI SESETENGAH NEGARA ASING DI MANA SESEORANG ANGGOTA KABINET YANG MENCABAR KETUA PARTINYA HENDAKLAH MELETAK JAWATAN APABILA TEWAS, SEPATUTNYA DIAMALKAN DI NEGARA INI.

MENJAWAB SATU SOALAN PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-38 TAMAT PETANG INI, PERDANA MENTERI BERKATA: +SEPATUTNYA BEGITULAH, TETAPI IA TIDAK BEGITU DI SINI. SAYA NAK BUAT APA.+

PRESIDEN UMNO ITU DITANYA SAMA ADA AMALAN DI SESETENGAH NEGARA ASING ITU HARUS DILAKSANAKAN DI NEGARA INI KERANA ANGGOTA KABINETNYA SENDIRI YANG MENCABAR KEPEMIMPINANNYA DALAM PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN UMNO KALI INI.

MENGENAI TAAT SETIA ANGGOTA KABINET, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MENJELASKAN KEPADA PERHIMPUNAN AGUNG PARTI MENGENAI TANGGUNGJAWAB MENTERI-MENTERI MENGIKUT PERLEMBAGAAN.

KATANYA BELIAU TELAH MENERANGKAN MENGENAI SUMPAH DAN IKRAR (BAGI YANG BUKAN ISLAM) APABILA DILANTIK MENGANGGOTAI KABINET.

+KITA SEMUA BERSUMPAH, KITA PEGANG KEPADA SUMPAH ITU,+ KATA BELIAU. -- LAGI
1955MST 26 04 87

B B257 AAB
MAHATHIR - KABINET 2 KUALA LUMPUR

MENJAWAB SOALAN LAIN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK MEMPUNYAI RANCANGAN UNTUK MEMINTA SELURUH ANGGOTA KABINET MELETAK JAWATAN BAGI MEMBOLEHKANNYA BEBAS MELANTIK ANGGOTA-ANGGOTA BARU.

BELIAU JUGA BERKATA BARISAN KABINET TIDAK SEMESTINYA DARIPADA ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG BARU DILANTIK.

+KALAU ADA KOSONG, BOLEHLAH,+ KATANYA APABILA DITANYA SAMA ADA MUKA-MUKA BARU YANG TERPILIH MENGANGGOTAI MT AKAN DIMASUKKAN DALAM KABINETNYA NANTI.

MENGENAI SAMA ADA TINDAKAN MENTERI LUAR DATUK RAIS YATIM MENYOKONG PIHAK YANG MENCABAR KEPEMIMPINANNYA TELAH MENJEJAS IMEJ MALAYSIA DI LUAR NEGERI, PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA-NEGARA ASING FAHAM DENGAN PROSES DEMOKRASI NEGARA INI.

+INI TIDAK MENJEJAS HUBUNGAN KITA DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN,+ TEGASNYA.

-- LAGI
1957MST 26 04 87

D372

B B258 AAB
MAHATHIR - KABINET 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI ROMBAKAN KABINET HASIL DARIPADA KEPUTUSAN PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN UMNO, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BEBAS BERBUAT DEMIKIAN TETAPI BELUM MEMIKIRKANNYA LAGI.

PERDANA MENTERI TIDAK MAHU MENGULAS PERTANYAAN SAMA ADA BELIAU AKAN MENGEKALKAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH YANG TEWAS MERE BUT JAWATAN PRESIDEN UMNO DALAM BARISAN KABINETNYA.

BELIAU JUGA MENYIFATKAN PENGLIBATAN BEBERAPA ORANG MENTERI KABINET DALAM PERTANDINGAN KALI INI SEBAGAI PERKARA BIASA SAHAJA.

--BERNAMA
1958MST 26 04 87